

**ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.  
BILANGAN 3/1970.**

---

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.  
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.

Tanggungjawab dan Tugas Penyedia Negeri dan Penolong-penolong Penyedia Tanah Pinggir.

Berhubung dengan tanggungjawab dan tugas Penyedia Negeri dan Penolong-penolong Penyedia Tanah pinggir dalam negeri ini, saya suka membuat satu arahan baru guna melicinkan perjalanan tadbir bagi memajukan rancangan-rancangan yang sedang berjalan pada masa ini. Tanpa sebarang perintah atau arahan-arahan lain mengenai perjalanan rancangan yang ada sekarang maka arahan ini hendaklah dipatuhi dengan sepenuhnya oleh pegawai-pegawai berkenaan.

A. Tanggungjawab dan tugas Penyedia negeri.

- i. Melawat dan membuat laporan-laporan bulanan di atas semua tanah-tanah rancangan kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian dan salinan kepada semua pemungut hasil Tanah.
- ii. Bertanggungjawab di atas semua simpanan barang-barang rancangan dan keselamatannya serta mengawasi dengan teraturnya di dalam buku-buku rekod dan sebagainya.
- iii. Mengambil segala langkah yang perlu dan menguatkuasakan segala arahan-arahan dari Pesuruhjaya Tanah dan Galian.
- iv. Pada amnya bertanggungjawab kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian di atas penyeliaan semua rancangan-rancangan di dalam negeri.

B. Hubungan Pemungut Hasil Tanah dengan Penyelia Negeri.

- i. Penyelia Negeri dikehendaki mengadakan perjumpaan dengan Penolong-penolong Penyelia dan penolong-penolong Luar tidak kurang pada tiap-tiap dua bulan sekali pada satu daerah untuk membincangkan masalah-masalah yang timbul dari rancangan. Pemungut Hasil Tanah atau Penolongnya dikehendaki juga hadir dalam perjumpaan seperti ini jika difikirkan ada perkara-perkara yang penting dan patut dibincangkan bersama. Segala peringatan-peringatan perjumpaan hendaklah disediakan oleh Penyedia Negeri dan dihantar kepada Pemungut Hasil Tanah dan Penolong Penyedia daerah-daerah berkenaan.

2. Pemungut Hasil Tanah adalah berhak memanggil perjumpaan seperti ini berasingan dengan penyelia, Penolong Penyedia dan Penolong-penolong Luar jika difikirkan perlu. Peringatan-peringatan perjumpaan dikehendaki angkat terus kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian.

3. Penyelia Negeri dalam lawatan-lawatan ke daerah-daerah, sama ada lawatan atau perjumpaan biasa dengan peserta-peserta, Penolong Luar atau Penolong Penyelia, adalah dikehendaki memberitahu Pemungut Hasil Tanah atau pun Penolongnya yang bertugas dalam Jurusan rancangan Inl pada hari lawatan itu atau sebelum lawatan itu.

4. Penyelia Negeri atau Penolong Penyedia Daerah adalah dikehendaki hadir dalam Mesyuarat Pembangunan Luar bandar daerah masing-masing dan bertanggungjawab untuk memberi penerangan atau kemajuan rancangan.

5. penyelia negeri dikehendaki berunding dengan Pemungut Hasil tanah berkenaan dari satu masa kesatu masa dan melaporkan kepada Pesuruhjaya Tanah dan Galian atas keputusan dan hasil perundingan itu dengan bertulis.

C. Penolong Penyelia dan Penolong Luar.

- i. Penolong Penyelia adalah bertanggungjawab penuh kepada Penyelia Negeri atas kemajuan rancangan dan kepada Pemungut Hasil Tanah di atas memasukkan peserta-peserta dan perkara-perkara yang bersangkutan dengan dasar.
- ii. Penolong Penyelia dan Penolong Luar dikehendaki mematuhi segala arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Pemungut Hasil tanah atau Penyelia Negeri tanpa sebarang kemusykilan.

D. Lain-lain Hal.

i. Tuntutan Elaun.

- a) Semua tuntutan elaun dari Penolong Penyelia hendaklah disahkan oleh Pemungut Hasil Tanah (counter sing) sebelum dibuat voucher untuk bayaran.
- b) Semua tuntutan elaun dari Penolong Luar hendaklah disahkan oleh Penolong Penyelia dan di tambasah (counter sing) oleh Penyelia Negeri.

ii. Cuti.

Segala cuti dari Penolong Penyelia dan Penolong Luar hendaklah diangkat melalui Pemungut Hasil Tanah untuk diedarkan kepada Penyelia Negeri yang akan membuat timbangan dan keputusannya hendaklah dihantar melalui Pemungut Hasil Tanah.

t.t.

(Dato' Mohamad bin Ibrahim)  
PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN,  
TERENGGANU.

Bil. 910 dlm. P.T.&G.TR. (PLB) 17/6.

s.k.

Yang Berhormat, Setiausaha Kerajaan, Terengganu.  
Bendahari Negeri, Terengganu.  
Juru Odit, Terengganu.

Kuala Terengganu, 4hb. Mac, 1970.